



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin
50604 Kuala Lumpur

Tel : 03 6204 6000
Fax : 03 6204 6801
Portal : jpwpkl.moe.gov.my
E-mel : jpn.wp@moe.gov.my

Ruj. Kami : JPWP KL 600 - 3/5/5 (31)

Tarikh : 10 Mac 2021

**Pengetua/Guru Besar
SMK/SK/SJKC/SJKT
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**

YBhg. Datin/Tuan/Puan,

PERTANDINGAN PENGATURCARAAN KOMPUTER (PPKOMP) DI SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Dengan sukacitanya perkara di atas dan surat dari Fatihah Education Consultants (FatihahEdu) no. rujukan PPComp/21/15 bertarikh 1 Mac 2021 dan Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) no. rujukan KPM.600-12/1/4 Jld. 18 (33) bertarikh 19 Februari 2021 dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Fatihah Education Consultants (FatihahEdu) akan menganjurkan pertandingan tersebut untuk melatih dan mendidik murid dalam pengaturcaraan, di samping menarik minat murid secara mendalam terhadap bidang pengaturcaraan. Pertandingan ini juga membolehkan murid mengaplikasi pengetahuan dalam pengaturcaraan dan teknik-teknik pemikiran komputasional yang dipelajari.


3. Sehubungan dengan itu, kerjasama YBhg. Datin/tuan/puan, dimohon bagi menggalakkan **murid-murid** dari sekolah YBhg. Datin/tuan/puan untuk menyertai pertandingan tersebut yang akan diadakan secara dalam talian mengikut ketetapan berikut.

Tarikh : 3 Julai 2021

Masa : 9.00 pagi hingga 11.00 pagi

Format : 6 soalan - diselesaikan menggunakan bahasa pengaturcaraan komputer (Python, Java, JavaScript, PHP, C, C++, C#, VB.Net atau Ruby)

...2/



4. Bersama-sama ini disertakan surat berkenaan yang jelas menerangkan maksudnya untuk makluman dan tindakan YBhg. Datin/tuan/puan. Kos penyertaan adalah ditanggung oleh sekolah/murid. Maklumat lanjut berkaitan pertandingan boleh didapati dengan melayari laman sesawang www.ppkomp.com.my. Sekiranya berminat, pendaftaran penyertaan boleh dibuat sebelum atau pada 19 Jun 2021.
5. Sila hubungi Urusetia Pertandingan melalui talian **017-3548880** atau **Cik Norleen binti Kamardin** melalui talian **03-62046856** untuk sebarang pertanyaan.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(ZAINAL BIN ABAS)

Pengarah Pendidikan

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

- s.k. i. Pegawai Pendidikan Daerah, Pejabat Pendidikan Daerah Bangsar & Pudu
 ii. Pegawai Pendidikan Daerah, Pejabat Pendidikan Daerah Keramat
 iii. Pegawai Pendidikan Daerah, Pejabat Pendidikan Daerah Sentul



Tarikh : 01 Februari 2021

No. Rujukan: PPKomp/21/18

Kepada:
Yang berkenaan

Tuan/Puan,

JEMPUTAN MENYERTAI PERTANDINGAN PENGATURCARAAN KOMPUTER (PP KOMP) 2021

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. PPKomp 2021 adalah pertandingan pengaturcaraan yang dianjurkan oleh **Fatiyah Education Consultants**. Kami dengan suacitanya menjemput pelajar-pelajar daripada sekolah/kolej/universiti tuan/puan untuk menyertai PPKomp 2021. Butiran pertandingan adalah seperti berikut:


Tutup Pendaftaran:	19/06/2021 (Sabtu)
Tarikh Pertandingan:	03/07/2021 (Sabtu)
Tempat:	Pertandingan secara <i>online</i> . (Setiap sekolah/kolej diminta melantik seorang pengurus kumpulan yang bertugas.)
Masa:	09:00 – 11:00 pagi (2 jam)
Yuran:	RM20 bagi setiap peserta
Format:	Terdapat 6 soalan yang perlu diselesaikan dengan menggunakan pengaturcaraan komputer. Masa diperuntukkan adalah 2 jam untuk menjawab semua soalan.
Kelayakan:	Terbuka untuk semua pelajar sekolah rendah, pelajar sekolah menengah, dan pelajar kolej/universiti.

3. Sehubungan itu, kami berharap agar pihak tuan/puan dapat menyampaikan jemputan ini kepada pelajar sekolah/kolej tuan/puan untuk mengambil bahagian dalam pertandingan ini.

4. Sila layari *website* pertandingan di www.ppkomp.com.my untuk mendapatkan maklumat lanjut dan juga urusan pendaftaran. Jika ada sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di talian +60173548880 atau melaui emel info@ppkomp.com.my.

Segala kerjasama daripada pihak tuan/puan kami dahulukan dengan ucapan terima kasih.


FATIYAH BINTI MUSTAFA
Pengarah,
Fatihah Education Consultants







Fatihah Education Consultants

No 5, Medan Niaga Ayer Baloi,
Jalan Benut-Jelutong,
82100 Ayer Baloi, Johor

www.ppkomp.com.my
info@ppkomp.com.my
PPKomp

Tarikh : 01 Mac 2021

Pengarah JPN WP Kuala Lumpur,
Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin,
50604 Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur

u.p: KPP Unit Pembangunan Bakat Murid

Assalamualaikum w.b.t,

PERMOHONAN MENGANJURKAN PERTANDINGAN PENGATURCARAAN KOMPUTER (PPKOMP) DI SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH DI WP KUALA LUMPUR

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. PPKomp adalah pertandingan pengaturcaraan yang dianjurkan oleh Fatihah Education Consultants (FatihahEdu). Pertandingan kali pertama pada tahun 2020 berjaya mengumpulkan sebanyak 770 peserta daripada 104 kumpulan seluruh Malaysia.

3. Pihak kami ingin memohon kebenaran pihak Tuan untuk menganjurkan pertandingan ini untuk sekolah-sekolah di WP Kuala Lumpur bagi tahun 2021. Pertandingan ini akan dikelolakan oleh syarikat Fatihah Education Consultants, iaitu syarikat Bumiputera yang memfokuskan kepada konsultansi pendidikan Sains, Teknologi, dan Matematik (STEM).

4. Beserta dengan surat ini dilampirkan surat kelulusan menganjurkan pertandingan Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pelajaran Malaysia bernombor rujukan: KPM.600-12/1/4 Jld. 18 (33) bersama-sama dengan poster dan pek info pertandingan.


Segala kerjasama dan sokongan penuh daripada pihak Tuan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, Wassalam.

Yang benar,

FATIHAH BINTI MUSTAFA
Pemilik,
Fatihah Education Consultants

Lampiran A - Surat Kelulusan Menganjurkan Pertandingan BSKK, KPM
Lampiran B - Poster PPKomp 2021
Lampiran C - Pek Info PPKomp 2021



Rujukan Kami: PPComp/21/15



Tuan Yang
Seksyen
Tuan Sidi
menghakim




ZAINAL BIN ABAS
Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur

LPP upm
8/3/21

NUR ADZMI BIN BABA ALI
Ketua Penolong Pengarah
Unit Pembangunan Bakat Murid
Sektor Pembangunan Murid
Jabatan Pendidikan
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

8/3/21





KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Ministry of Education Malaysia
BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN
Sports, Co-curricular And Arts Division
Aras 1, 6 & 7, Blok E13, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : +603 88841002/88841333
Faks : +603 88841034/88886790
Laman Web : www.moe.gov.my

KPM.600-12/1/4 Jld. 18 (33)

19 Februari 2021

PUAN FATIHAH BINTI MUSTAFA

Pengarah Urusan
Fatihah Education Consultants
No. 5, Medan Niaga Ayer Baloi
Jalan Benut Jelutong
Ayer Baloi
82100 JOHOR.

Puan,

PERMOHONAN KEBENARAN PENGLIBATAN MURID BAGI PERTANDINGAN PENGATURCARAAN KOMPUTER (PPKOMP) 2021

Dengan segala hormatnya saya ingin merujuk kepada perkara di atas dan surat daripada pihak puan bertarikh 25 Januari 2021 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menerima dan meneliti permohonan pengajuran program di atas daripada pihak puan. Pihak KPM mengalui-alukan kerjasama dengan agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam pembangunan kurikulum di negara ini.

3. Walau bagaimanapun, berikutan kesan penularan jangkitan Novel Coronavirus (COVID-19) yang melanda seluruh dunia, penjarakan fizikal merupakan salah satu prosedur yang perlu dipatuhi dalam normal baru. Ini menyebabkan banyak program khususnya aktiviti kurikulum tidak dapat dilaksanakan seperti kebiasaan.

4. Sehubungan dengan itu, pihak KPM mengambil maklum akan permohonan pihak puan serta **tiada halangan** bagi murid menyertai Pertandingan Pengaturcaraan Komputer (PPKOMP) 2021 secara dalam talian yang akan diadakan pada 1 Mac hingga 17 Ogos 2021 sahaja selaras Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil.8/1995, Bil.7/1988, Bil.8/2009, Bil.5/2018 dan Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil.2/2010 serta mematuhi Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Sukan dan Kokurikulum KPM dan *Standard Operating Procedure (SOP)* yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Perkara yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan aktiviti adalah seperti berikut:



- 4.1 Pihak penganjur hendaklah mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) serta sekolah yang berkenaan;
- 4.2 Semua murid terlibat hendaklah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada Pengetua/Guru Besar sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini;
- 4.3 Penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa/penjaga;
- 4.4 Pihak penganjur adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan kelulusan penganjuran program daripada pihak-pihak berkaitan;
- 4.5 Surat kebenaran/kelulusan ini tidak boleh diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan serta tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 4.6 Penyertaan murid tidak mengganggu atau menjejaskan waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP)/program/aktiviti sekolah;
- 4.7 Pihak penganjur hendaklah memberikan maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada murid yang terlibat;
- 4.8 Sekiranya sekolah yang dijemput mempunyai program pada hari cuti hujung minggu, pihak penganjur perlu memberikan laluan murid yang terlibat untuk mengikuti program sekolah;
- 4.9 Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah serta sekolah yang terlibat;
- 4.10 Pihak penganjur dimohon mengemukakan **satu salinan laporan program yang dijalankan (format seperti di Lampiran A)** kepada Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, KPM dalam tempoh 30 hari selepas tamat program bagi tujuan pengiktirafan program dan pemarkahan kokurikulum.
- 4.11 Tarikh akhir kunci masuk markah ke dalam sistem Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) adalah pada **31 Disember 2021**. Sehubungan dengan itu, penganjur disaran untuk menyelesaikan semua aktiviti pada atau sebelum bulan November 2021; dan



- 4.12 KPM berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak pengajur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa.
5. Surat kebenaran ini hanya untuk Fatihah *Education Consultants* yang akan menganjurkan Pertandingan Pengaturcaraan Komputer (PPKOMP) 2021 pada **1 Mac hingga 17 Ogos 2021** sahaja. Sebarang kebenaran program baharu hendaklah dikemukakan kepada pihak Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, KPM.
6. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak puan boleh menghubungi Puan Rizawani binti Mustafa di talian **03-88841174** atau e-mel **rizawani@moe.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI RAZUKL BIN A.RAHIM)

b.p.: Pengarah

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia

RM/rm

- sk: 1. Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
2. Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)
(u.p.: Ketua Penolong Pengarah Sektor Pembangunan Murid JPN)



PP("Komp")

Pertandingan
Pengaturcaraan Komputer
2021



Tarikh tutup pendaftaran : 19/06/2021 (Sabtu)

Tarikh pertandingan : 03/07/2021 (Sabtu)

Masa : 09:00 – 11:00 pagi (GMT +8)

Mod bahasa soalan : Bahasa Melayu, English

Bahasa pengaturcaraan : Python, Java, JavaScript, PHP, C, C++, C#, VB.Net, atau Ruby

Syarat pertandingan : Terbuka kepada semua pelajar sekolah rendah, menengah, kolej, dan universiti (4 kategori)

Yuran : RM20 seorang peserta

Rujukan : Buku teks, buku rujukan, dan nota dalam bentuk *hardcopy*

semasa pertandingan dibenarkan



Hadiah pingat emas, perak, dan gangsa untuk pemenang.

Hadiah *plaque* untuk 3 kumpulan terbaik (setiap kategori).

Sijil penyertaan untuk semua peserta.

Website: www.ppkomp.com.my

Channel Telegram: www.t.me/ppkomp

Sila hubungi
pengurus kumpulan


Nama:

No Tel:



PP("Komp")

Pertandingan
Pengaturcaraan Komputer
2021



Registration closing date : 19/06/2021 (Saturday)



Date of competition : 03/07/2021 (Saturday)

Time : 09:00 – 11:00 pagi (GMT +8)



Problem set language mode : English, Bahasa Melayu



Programming language : Python, Java, JavaScript, PHP, C, C++, C#, VB.Net, or Ruby



Terms of competition : Open to all primary, secondary, college, and university students (4 categories)



Fees : RM20 per participant

References : Textbooks, reference books, and notes in hardcopy during the competition are allowed



Gold, silver, and bronze medal for the winners.

Plaque for the top 3 groups (each category).

Certificate of participation for all participants.

Please contact
group manager

Name:

Phone No:

Website: www.ppkomp.com.my

Telegram Channel: www.t.me/ppkomp



PP("Komp")

Pertandingan
Pengaturcaraan Komputer

Pengenalan:

PPKomp (Pertandingan Pengaturcaraan Komputer) adalah pertandingan tahunan pengaturcaraan komputer untuk pelajar sekolah rendah/menengah dan pelajar kolej/universiti di Malaysia. Pertandingan ini dianjurkan oleh Fatihah Education Consultants. Ianya adalah pertandingan penyelesaian masalah secara individu dan setiap peserta perlu menyelesaikan masalah diberi menggunakan bahasa pengaturcaraan.

Endorsement:

PPKomp telah mendapat kelulusan rasmi dari Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Jadi setiap pelajar sekolah yang menyertai pertandingan ini layak mendapat markah PAJSK. Bagi melihat surat kelulusan KPM sila layari laman web pertandingan www.ppkomp.com.my.

Objektif:



Latihan

Matlamat utama PPKomp adalah untuk melatih dan mendidik pelajar dalam pengaturcaraan.



Menarik Minat

PPKomp juga bertujuan untuk menarik minat pelajar secara mendalam terhadap subjek pengaturcaraan (yang selalu disalah anggap sebagai subjek sukar oleh kebanyakan pelajar).



Pengalaman Bertanding

Semua pelajar di Malaysia mempunyai peluang yang sama untuk mendapat pengalaman menyertai pertandingan kerana PPKomp terbuka untuk SEMUA pelajar.



Aplikasi

Pertandingan ini memboleh pelajar mengaplikasi pengetahuan dalam pengaturcaraan dan teknik-teknik pemikiran komputasional yang dipelajari di sekolah/kolej.



Penyelesaian Masalah

Menggunakan matematik dan pengaturcaraan sebagai alat, pelajar didedahkan dengan masalah yang dapat mengasah kemahiran berfikir secara logik, kritis dan kreatif.



Pengayaan

PPKomp mempopularkan akitivi pengayaan sains komputer di kalangan pelajar dan guru/pensyarah di Malaysia.

Kategori:

Terdapat 4 kategori pertandingan.

Bongsu

- 15 tahun dan ke bawah (tingkatan 1-3, atau sekolah rendah).

Muda

- 16-17 tahun (tingkatan 4-5, atau setara).

Sulung

- 18 tahun dan ke atas (pelajar tingkatan 6, matrikulasi, kolej/universiti, atau setara).

Guru

- Kategori khas untuk pendidik yang berminat untuk bertanding.

- Terbuka kepada semua cikgu, pensyarah, tutor, jurulatih dsb.

Prosedur Pertandingan:

1. Pendaftaran kumpulan boleh dibuat oleh **pengurus kumpulan** masing-masing (kebiasaannya guru/pensyarah/pegawai yang telah dilantik).
2. Setiap peserta mesti ada **akaun HackerRank**. Boleh gunakan akaun HackerRank lama atau boleh daftar yang baru.
3. **Download** dan lengkapkan **borang pendaftaran** di www.ppkomp.com.my/pendaftaran
4. Buat bayaran.
5. Hantar borang lengkap dan bukti pembayaran sama ada **melalui Telegram @khairunizam79** atau email kepada info@ppkomp.com.my.
6. Pengurus kumpulan akan dimasukkan dalam satu **group Telegram** yang dibangunkan oleh penganjur untuk berurusan semasa pertandingan.
7. **Link latihan** akan diemail kepada setiap peserta mengikut senarai email pada borang pendaftaran.
8. **Link soalan pertandingan** akan diemail kepada setiap peserta pada **hari pertandingan**.
9. Pengurus kumpulan menjalankan pertandingan di **tempat masing-masing**.
10. Pengurus kumpulan **bertanggungjawab** menguatkuasakan **peraturan pertandingan** kepada setiap peserta kumpulan.
11. Keputusan pertandingan akan diumumkan **14 hari** selepas pertandingan tamat.
12. Sijil dan hadiah akan diposkan mengikut nama dan alamat pengurus pertandingan seperti pada borang pendaftaran **30 hari** selepas keputusan diumumkan.

Mod Bahasa: Set soalan dibuat dalam 2 mod bahasa iaitu Bahasa Melayu dan English .	Format Pertandingan: Terdapat 6 masalah diberikan semasa pertandingan. Setiap masalah mungkin mempunyai markah yang berbeza. Masa yang diperuntukkan adalah 2 jam. Jika terdapat lebih dari seorang peserta yang mendapat penyelesaian betul, peserta yang menghantar penyelesaian paling awal dikira sebagai pemenang.
Bahasa Pengaturcaraan: Peserta boleh memilih sama ada ingin menggunakan bahasa Python, Java, JavaScript, PHP, C, C++, C#, VB.Net, atau Ruby.	Peserta dibenarkan membawa pen, kalkulator, dan kertas A4 untuk pengiraan, merangka, atau melukis algoritma. Buku teks, buku rujukan, dan nota-nota dalam bentuk hardcopy atau softcopy (yang disimpan di dalam komputer sendiri sebelum pertandingan) DIBENARKAN untuk digunakan sepanjang pertandingan.
Yuran Pendaftaran: RM20.00 untuk setiap orang peserta. Pembayaran boleh dibuat melalui <i>bank-in</i> atau pemindahan <i>online</i> kepada: Nama Akaun: Fatihah Education Consultants Bank: CIMB Bank Berhad No Akaun: 8602415682	Rujukan Internet: Rujukan/tutorial di internet dan carian google adalah: 1. dibenarkan untuk peserta kategori Bongsu dan Muda. 2. dibenarkan untuk peserta kategori Sulong daripada peringkat pelajar tingkatan 6, matrikulasi, dan diploma. 3. TIDAK dibenarkan untuk pelajar Universiti (peringkat undergraduate atau postgraduate, mempertimbangkan pengalaman dan pendedahan pelajar universiti yang luas).
Anugerah & Sijil: <ul style="list-style-type: none">- 10% peserta teratas akan menerima pingat emas, perak, dan gangsa beserta sijil pencapaian.- 20% peserta berikutnya atau 100 peserta teratas akan menerima Sijil Sanjungan Kehormat.- 70% peserta berikutnya akan menerima Sijil Penyertaan. 3 kumpulan terbaik bagi setiap kategori akan menerima hadiah <i>plaque</i> . Sijil dan hadiah akan dipos kepada pengurus kumpulan mengikut alamat pada borang pendaftaran.	Integriti Pengurus Kumpulan: SEMUA peserta dan juga pengurus kumpulan tidak dibenarkan untuk membincangkan soalan atau berkongsi penyelesaian dengan peserta lain atau pihak luar di mana-mana platform komunikasi semasa pertandingan sedang berlangsung.
	Bagaimana Nak Buat Latihan? Set latihan asas dan soalan PPComp tahun-tahun sebelumnya ada di www.ppkomp.com.my/latihan .

Tarikh tutup pendaftaran : 19/06/2021 (Sabtu)
 Tarikh pertandingan : 03/07/2021 (Sabtu)
 Masa pertandingan : 09:00 – 11:00 pagi (GMT +8)
 Yuran : RM20 untuk seorang peserta

Maklumat lanjut sila hubungi:

Sekretariat PPComp

No 5, Medan Niaga Ayer Baloi,
Jalan Benut-Jelutong,
82100 Ayer Baloi, Johor.



+6017-354.88.80
 www.ppkomp.com.my
 info@ppkomp.com.my
 PPComp